39. [icaivattu] (□□□□□□□□) 10/03/26/MN/06/01

**Perkataan** [icai] + [vattu] (muzik + bentuk bulat)  
(□□□ + □□□□□)

**Proses** > [icai] + [vattu] (PM 11)  
> [icaivattu] KN (cakera padat audio)

40. [iḷanilaip pattaṅṅappattippu] (□□□□□□ □□□□□□□□□□□□)

09/10/11/TN/13/01

**Perkataan** [iḷanilai] + [pattaṅṅappattippu] (muda + sarjana)  
(□□□□□□ + □□□□□□□□□□□□□)

**Proses** > [iḷanilai] + [pattaṅṅappattippu] (PM 3)  
> [iḷanilaip pattaṅṅappattippu] KN (sarjana muda)

41. [kuḷiru:ṭṭi] (□□□□□□□□□□)

09/10/10/MN/03/01

**Perkataan** [kuḷir] + [u:ṭṭi] (sejuk + pemberi)  
(□□□□□□ + □□□□□)

**Proses** > [kuḷir] + [u:ṭṭi] (PM 7)  
> [kuḷiru:ṭṭi] KN (penghawa dingin)

42. [*cuvaiyu:ʔti*] (□□□□□□□□□□)

09/11/01/MN/11/01

**Perkataan** [*cuvai*] + [*u:ʔti*] (rasa + pemberi)

(□□□□ + □□□□□)

**Proses** > [*cuvai*] + [*u:ʔti*] (PM 4)

> [*cuvaiyu:ʔti*] KN (perisa)

43. [*oʔiva:nki*] (□□□□□□□□□□)

10/02/28/TN/10/01

**Perkataan** [*oʔi*] + [*va:nki*] (cahaya + terima)

(□□□□ + □□□□□□□)

**Proses** > [*oʔi*] + [*va:nki*] (PM 11)

> [*oʔiva:nki*] KN (antena)

44. [*cu:ʔukalan*] (□□□□□□□□□□)

09/10/11/MN/08/01

**Perkataan** [*cu:ʔu*] + [*kalan*] (panas + bekas)

(□□□□ + □□□□□)

**Proses** > [*cu:ʔu*] + [*kalan*] (PM 11)

> [*cu:ʔukalan*] KN (bekas air panas)

45. [*aʔuttiraʔ*] (□□□□□□□□□□)

09/12/31/MN/07/01

**Perkataan** [aṇu + tira!] (molekul + kumpul)  
(□□□ + □□□□□)

**Proses** > [aṇu] + [tira!] (PM 3)  
> [aṇuttira!] KN (kumpulan molekul)

46. [kaṭṭamaippu] (□□□□□□□□□□) 10/04/05/MN/05/01

**Perkataan** [kaṭṭu] + [amaippu] (ikat + bentuk)  
(□□□□□ + □□□□□□□□)

**Proses** > [kaṭṭu] + [amaippu] (PM 7)  
> [kaṭṭamaippu] KN (struktur bangunan)

47. [alaippa:ṇai] (□□□□□□□□□□) 10/03/16/MN/02/01

**Perkataan** [alaippu] + [a:ṇai] (panggilan + perintah)  
(□□□□□□□□ + □□□)

**Proses** > [alaippu] + [a:ṇai] (PM 7)  
> [alaippa:ṇai] KN (perintah untuk hadir ke mahkamah)

### b) Frasa Nama + Frasa Kerja (pola 3.2)

1. [i:ra nayappu:ṭṭu] (FFIJ □□□□□□□□□□)

09/10/10/MN/03/03

**Perkataan** [i:ram] + [nayappu:ṭṭu] (basah + pemberi)  
(□□□□ + □□□□□□□□□□)

**Proses** > [i:ram] + [nayappu:ṭṭu] (PM 8)

> [i:ra nayappu:ʈtu] KN (pelembap)

2. [ka:rroli] (□□□□□□□□) 09/10/10/MN/03/04

**Perkataan** [ka:rru] + [oli] (udara + hapus)

(□□□□□□ + □□□)

**Proses** > [ka:rru] + [oli] (PM 7)

> [ka:rroli] KN (kedap udara)

### c) Frasa adjektif + frasa nama (pola 3.5)

1. [putta:kkam] (□□□□□□□□□□)\*

10/04/25/MN/05/01

**Perkataan** [putu] + [a:kkam] (baru + cipta)

(□□□□ + □□□□□□)

**Proses** > [putu] + [a:kkam]

> [putta:kkam] KN (inovasi)

\* [putu] (baru)

{putu} ∞ [putt-] dan ∞ [putu]

i) ∞ [putu] digunakan sebagai bentuk bebas seperti berikut:

a) [putu] + [caʈtai]

> [putuccaʈtai] (baju baru)

ii) ∞ [putt-] digunakan sebagai bentuk terikat seperti berikut:

a) [putt-] + [uᅇarcci]

> [puttuᅇarcci] (cergas)

2. [pe:raŋka:ʔi] (□□□□□□□□□□)

10/01/12/TN/07/01

**Perkataan** [pe:r] + [aŋka:ʔi] (besar + gerai)

(□□□□ + □□□□□□□□)

**Proses** > [pe:r] + [aŋka:ʔi] (PM 11)

> [pe:raŋka:ʔi] KN (pasaraya)

3. [kaŋa untu] (காணு □□□□□)

10/04/21/MN/05/01

**Perkataan** [kaŋa] + [untu] (berat + bergerak)

(காணு+ □□□□□)

**Proses** > [kaŋa] + [untu] (PM 11)

> [kaŋa untu] KN (lori)

4. [keʔtipa:l] (□□□□□□□□□□□□)

10/03/05/MN/03/01

**Perkataan** [keʔti] + [pa:l] (keras + susu)

(□□□□□□□ + □□□□)

**Proses** > [keʔti] + [pa:l] (PM 3)

> [keʔtipa:l] KN (susu pekat)

5. [tolainakal] (□□□□□□□□)

10/03/05/MN/05/04

**Perkataan** [tolai] + [nakal] (jauh + salinan)

(□□□□ + □□□□)

**Proses** > [tolai] + [nakal] (PM 11)

> [tolainakal] KN (faks)

6. [metuvirukkai] (□□□□□□□□□□)

09/10/16/MN/12/01

**Perkataan** [metu] + [irukkai] (lembut + kerusi)

(□□□□ + □□□□□□□)

**Proses** > [metu] + [irukkai] (PM 5)

> [metuvirukkai] KN (sofa)

7. [ne:ralai] (□□□□□)

10/01/26/TN/07/01

**Perkataan** [ne:r] + [alai] (lurus + gelombang)

(□□□□ + □□□)

**Proses** > [ne:r] + [alai] (PM 11)

> [ne:ralai] KN (siaran langsung)

iii) Bentuk Tatabahasa + kata tunggal (pola 5)

1. [vaʃittiraʃ] (□□□□□□□□□)

10/04/11/MN/03/01

**Perkataan** [vaʃi] + [tiraʃ] (tapis + kumpul)

(□□□ + □□□□□)

**Proses** > [vaʔi] + [tiraʔ] (**PM 3**)

> [vaʔittiraʔ] KN (penapisan)

2. [o:ʔʔurimam] (□□□□□□□□□□)

09/12/20/MN/07/03

**Perkataan** [o:ʔʔu] + [urimam] (memandu + hak)

(□□□□□ + □□□□□□)

**Proses** > [o:ʔʔu] + [urimam] (**PM 7**)

> [o:ʔʔurimam] KN (lesen memandu)

3. [otukkurimai] (□□□□□□□□□□)

10/02/25/TN/02/02

**Perkataan** [otukku] + [urimai] (agih + hak)

(□□□□□□□ + □□□□□)

**Proses** > [otukku] + [urimai] (**PM 7**)

> [otukkurimai] KN (kuota)

4. [uṛaicattu] (□□□□□□□□)\*

09/11/12/MN/05/01

**Perkataan** [uṛai] + [cattu] (sejat + zat)

(□□□ + □□□□□)

**Proses** > [uṛai] + [cattu] (**PM 11**)

> [uṛaicattu] KN (zat penyejatan)



\*Apabila satu bentuk bunyi letupan awalan ditambah kepada bentuk *participel* tertentu, bunyi letupan awalan tersebut tidak akan berubah.

5. [**kotikeṅṅi**] (□□□□□□□□□□)\*

09/10/10/MN/03/02

**Perkataan** [koti] + [keṅṅi] (didih + bekas)

(□□□□ + □□□□□□)

**Proses** > [koti] + [keṅṅi]

> [kotikeṅṅi] KN (bekas mendidih air)

\*Apabila satu bentuk bunyi letupan awalan ditambah kepada bentuk *participel* tertentu, bunyi letupan awalan tersebut tidak akan berubah.

#### 4.2.3 Derivasi

Daripada analisis data didapati hanya 3 item (2.7%) dapat dikategorikan sebagai item yang dihasilkan melalui proses derivasi. KIL yang dihasilkan melalui proses derivasi didapati mempunyai pola pembentukan kata KT + akhiran. Pola pembentukan kata jenis derivasi adalah seperti berikut:

##### i) Kata tunggal + akhiran

1. [**piṅaiyam**] (□□□□□□□□) 10/03/19/MN/18/01

**Perkataan** [piṅai] + [am] (ikat + akhiran)

(□□□□ + □□□)

**Proses** > [piṅai] + [am] (PM 4)

> [pɪnɑiyɑm] KN (rangkaian)

2. [ce:rmɑm] (□□□□□□□)

09/11/13/MN/10/02

**Perkataan** [ce:r] + [mɑm] (ikat + akhiran)

(□□□□ + □□□)

**Proses** > [ce:r] + [mɑm] (PM 11)

> [ce:rmɑm] KN (molekul kimia)

3. [ɑ:nɑiyɑm] (□□□□□□□)

10/03/11/MO/16/01

**Perkataan** [ɑ:nɑi] + [ɑm] (perintah + akhiran KN)


(□□□□ + □□□)

**Proses** > [ɑ:nɑi] + [ɑm] (PM 4)

> [ɑ:nɑiyɑm] KN (suruhanjaya)

#### 4.2.4 Proses 'Lain-lain'

Hasil daripada analisis proses pembentukan kata, didapati bahawa sebanyak 13 KIL tidak dapat dianalisis mengikut saranan Yule, G. (1996). KIL ini telah dikategorikan di bawah proses 'lain-lain'. Didapati bahawa kesemua KIL tersebut dapat dikategorikan di bawah 2 proses pembentukan kata, iaitu proses pengkhususan makna dan proses perubahan makna yang disarankan oleh Amat Juhari Moain (1992) dan Siti Hajar Hj. Abul Aziz (1996) seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikutnya.



**Rajah 4.4 Peratus Penggunaan Proses ‘Lain-lain’**

Berdasarkan kepada Rajah 4.4 di atas, proses perubahan makna merupakan proses yang paling kerap digunakan dalam proses ‘lain-lain’ iaitu sebanyak 9 item (64.3%) berbanding 5 item (35.7%) yang terhasil melalui proses pengkhususan makna. Seterusnya ialah perbincangan mengenai kedua-kedua proses pembentukan kata yang dikategorikan sebagai proses ‘lain-lain’.

#### **4.2.4.1 Perubahan Makna**

Amat Juhari Moain (1992), menerangkan dalam artikel beliau bertajuk ‘Pembentukan Kata dan Istilah’ bahawa satu kategori proses yang penting dalam pembentukan kata ialah proses perubahan makna. Menurut beliau perubahan makna didefinisikan sebagai kata yang sedia ada dalam bahasa tertentu atau yang dipinjam dari bahasa lain, diubah pengertian bagi kegunaan lain. Setelah menganalisis data kajian, pengkaji juga mendapati beberapa item dalam data kajian ini dapat digolongkan di bawah kategori ini. Oleh itu, pengkategorian ini juga digunakan untuk menjeniskan data kajian. KIL yang

dihasilkan melalui proses perubahan makna dapat dikategorikan mengikut 3 pola pembentukan kata, iaitu pola KT, pola KT + akhiran dan pola Partikel + FN. Didapati bahawa pola pembentukan kata KT mencatat penggunaan yang paling kerap iaitu sebanyak 4 item diikuti pola KT + akhiran (3 item) dan pola Partikel + FN (1 item). Berikut ialah contoh-contoh KIL yang terlibat dalam proses perubahan makna.

**i) Kata Tunggal (pola 1)**

1. [*pirati*] (□□□□□) 10/04/29/TN/16/01

Perkataan [*pirati*]  
 Maksud asas wakil / pengganti  
 Perubahan makna naskah (KN)

2. [*parivartanai*] (□□□□□□□□□□)

10/01/22/TN/04/01

Perkataan [*parivartanai*]  
 Maksud asas sistem barter  
 Perubahan makna jual beli (KN)

3. [*ukappu*] (□□□□□)

09/11/13/MN/10/01

Perkataan [*ukappu*]  
 Maksud asas gemar  
 Perubahan makna optimum (KN)

4. [*paṭṭayam*] (□□□□□□□) 10/04/11/MN/07/01

Perkataan [paṭṭayam]  
Maksud asas gran tanah  
Perubahan makna diploma (KN)

5. [nikari] (□□□□□)

10/04/11/TN/05/01

Perkataan [nikari]  
Maksud asas keuntungan bersih  
Perubahan makna faks (KN)

**ii) Kata Tunggal + Akhiran (pola 2)**

1. [neriya:lar] (□□□□□□□□)

10/04/07/MO/16/01

Perkataan [neri] + [a:lar] (□□□□ + □□□□)  
[neri] + [a:lar] (PM 4)  
[neriya:lar]

Maksud asas penyelia penyelidikan  
Perubahan makna pengacara majlis (KN)

2. [me:yppar] (□□□□□□□□)

10/04/18/MO/06/01

Perkataan [me:yppu] + [ar] (□□□□□□□□ + □□□)  
[me:yppu] + [ar] (PM 7)  
[me:yppar]

Maksud asas penternak haiwan  
Perubahan makna paderi (KN)

3. [*ɪnʌiɪyɑm*] (□□□□□□)

10/03/21/TN/13/02

Perkataan [*ɪnʌi*] + [*ɑm*] (□□□ + □□□)

[*ɪnʌi*] + [*ɑm*] (**PM 4**)

[*ɪnʌiɪyɑm*]

Maksud asas kesatuan

Perubahan makna internet (KN)

**iii) Partikel + frasa nama (pola 6)**

1. [*me:lɑtikɑm*] (□□□□□□□□)

09/06/14/MO/06/02

Perkataan [*me:l*] + [*ɑtikɑm*] (□□□□ + □□□□□□)

[*me:l*] + [*ɑtikɑm*] (**PM 11**)

[*me:lɑtikɑm*]

Maksud asas tambahan

Perubahan makna lanjutan (KA)

**4.2.4.2 Proses Pengkhususan Makna**

Proses pengkhususan makna adalah proses pembentukan kata yang dikemukakan oleh Amat Juhari Moain (1992), dan Siti Hajar Hj. Abul Aziz. (1996). Definisi proses pengkhususan makna ialah, sesuatu kata yang sedia ada dalam suatu bahasa pada awalnya digunakan dalam konteks umum, tetapi kemudian dikhususkan.

Hasil daripada penganalisisan data mendapati kata-kata yang dapat digolongkan di bawah pola KT sahaja. Sebanyak 5 item telah dikenal pasti dan dikategorikan di bawah pola ini.

**i) Kata tunggal (pola 1)**

1. [*nakal*] (□□□□)

10/04/30/TN/04/01

Perkataan                      [*nakal*]  
Maksud asas                      tiruan atau bukan asli  
Pengkhususan makna              salinan fotostat (KN)

2. [*ko:ppu*] (□□□□□□)

10/02/18/TN/04/01

Perkataan                      [*ko:ppu*]  
Maksud asas                      fail  
Pengkhususan makna              fail dalam komputer (KN)

3. [*villai*] (□□□□□□)

10/01/14/MN/20/01

Perkataan                      [*villai*]  
Maksud asas                      sesuatu benda yang berbentuk bulat  
Pengkhususan makna              tablet (KN)

4. [*cippam*] (□□□□□□)

09/11/12/MN/07/01

Perkataan                      [*cippam*]

Maksud asas                      suatu bekas kecil yang digunakan untuk menyimpan barang

Pengkhususan makna              modul (KN)

5. [*ta:la:lar*] (□□□□□□)

10/04/03/TN/15/01

Perkataan                      [*ta:la:lar*]

Maksud asas                      orang yang memegang jawatan

Perubahan makna              Pengurus IPTS yang menguruskan hal-hal bukan akademik  
(KN)

### 4.3 Analisis Kekekapan Penggunaan Proses Pembentukan Kata

Setelah penggunaan proses pembentukan kata dianalisis, kekekapan penggunaan proses pembentukan kata dianalisis bagi menjawab soalan kajian kedua seperti berikut:

**Soalan Kajian 2:** Apakah jenis-jenis proses pembentukan kata yang kerap digunakan dalam iklan bahasa Tamil?




Kekerapan jenis-jenis proses pembentukan kata telah dianalisis seperti berikut:

**Jadual 4.3 Kekerapan Penggunaan Proses Pembentukan Kata**

<b>Bil</b>	<b>Jenis Proses Pembentukan Kata</b>	<b>Kekerapan Penggunaan (item)</b>	<b>Peratus Penggunaan (%)</b>
1	Pemajmukan	64	58.2%
2	Peminjaman	29	26.4%
3	Derivasi	3	2.7%
4	Lain-lain	14	12.7%
	<b>Jumlah</b>	<b>110</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan jadual 4.3 didapati bahawa proses pemajmukan mencatat kekerapan penggunaan yang paling tinggi iaitu sebanyak 64 item (58.2%). Proses peminjaman pula mencatat kekerapan penggunaan yang kedua tertinggi iaitu, sebanyak 29 item (26.4%). Manakala, proses 'lain-lain' yang terdiri daripada dua proses iaitu, proses pengkhususan makna yang mana telah merekodkan kekerapan sebanyak 5 item dan proses perubahan makna yang mana telah mencatat kekerapan sebanyak 9 item. Jumlah kekerapan penggunaan proses 'lain-lain' adalah sebanyak 14 item (12.7%). Akhirnya, proses derivasi mencatat kekerapan penggunaan yang paling rendah iaitu hanya sebanyak 3 item (2.7%) sahaja. Rajah seterusnya menunjukkan kekerapan penggunaan proses pembentukan kata dalam iklan Tamil.



**Rajah 4.5 Peratus Kekerapan Penggunaan Proses Pembentukan Kata**

#### **4.4 Analisis Borang Soal Selidik**

Setelah menganalisis proses dan kekerapan penggunaan proses pembentukan kata, data-data dari borang soal selidik telah dianalisis bagi menjawab soalan kajian seperti berikut:

**Soalan kajian 3:** Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi para penghasil iklan untuk membentuk kata baru?

##### **4.4.1 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Kata**

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, data yang diperoleh melalui soal selidik khususnya, dari Bahagian E yang digunakan untuk mengetahui faktor-faktor pembentukan kata telah dianalisis.

Bahagian E mengandungi hanya satu soalan dengan enam pilihan jawapan. Bagi soalan ini responden boleh memilih lebih daripada satu pilihan jawapan. Selain itu, responden

juga boleh menyatakan faktor-faktor pembentukan kata lain yang tidak dinyatakan dalam pilihan jawapan dalam ruangan 'lain-lain'. Berikut ialah analisis soalan E1.

**Jadual 4.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Kata**

Bil	Faktor Pembentukan Kata	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	Jumlah
1	Faktor 1				✓		✓			2/8
2	Faktor 2		✓	✓		✓	✓	✓		5/8
3	Faktor 3		✓			✓		✓	✓	4/8
4	Faktor 4	✓				✓		✓	✓	4/8
5	Faktor 5	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	7/8
6	Faktor 6								✓	1/8
7	Faktor 7									0/8

***Petunjuk faktor pembentukan kata:***

Faktor 1 = Tidak ada kata yang sesuai dalam bahasa Tamil bagi sesuatu produk atau perkhidmatan baru.

Faktor 2 = Salah satu cara supaya tidak menggunakan perkataan dari bahasa lain.

Faktor 3 = Menuruti desakan atau permintaan pihak penaja iklan.

Faktor 4 = Ingin mengikuti perkembangan semasa (*trend*) sejajar dengan iklan-iklan lain dalam bahasa asing.

Faktor 5 = Ingin menyampaikan mesej dengan tepat.

Faktor 6 = Ingin melariskan perniagaan pengiklanan.

Faktor 7 = Lain-lain

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa Faktor 5 iaitu 'ingin menyampaikan mesej dengan tepat' merupakan faktor yang paling mempengaruhi para penghasil iklan untuk menghasilkan KIL yang baru. Seramai 7 responden telah memilih F5 sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi mereka dalam membentuk KIL yang baru.

Seterusnya, Faktor 2 iaitu 'salah satu cara supaya tidak menggunakan perkataan dari bahasa lain' mencatat kekerapan yang kedua tertinggi. Seramai 5 responden telah memilih Faktor 2 sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi mereka dalam membentuk KIL yang baru.

Manakala, Faktor 3 (menuruti desakan atau permintaan pihak penaja iklan) dan Faktor 4 (Ingin mengikuti perkembangan semasa (*trend*) sejajar dengan iklan-iklan lain dalam bahasa asing) mencatat kekerapan yang sama banyak. Seramai 4 responden telah memilih masing-masing Faktor 3 dan Faktor 4 sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi mereka dalam membentuk KIL yang baru.

Seterusnya, seramai 2 responden telah memilih Faktor 1 (Tidak ada kata yang sesuai dalam bahasa Tamil bagi sesuatu produk atau perkhidmatan baru) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi mereka dalam membentuk KIL yang baru. Manakala, hanya seorang responden sahaja telah memilih Faktor 6 (ingin melariskan perniagaan pengiklanan) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhinya dalam membentuk KIL yang baru. Tiada responden yang menyatakan faktor 'lain-lain' selain dari faktor yang tercatat dalam soal selidik.

#### 4.4.2 Analisis Bahagian-bahagian Lain Dalam Soal Selidik

Seterusnya ialah, penganalisan maklum balas oleh responden pada bahagian-bahagian lain dalam soal selidik.

##### 4.4.2.1 Bahagian A (Maklumat Asas Responden)

Bahagian A mengandungi enam soalan yang terdiri daripada soalan respon terbuka dan jawapan aneka pilihan. Berikut ialah maklumat latar belakang responden yang diperoleh melalui Bahagian A.

###### *(A1) Nama Majikan*

Seramai lapan responden menjawab soal selidik. Daripada jumlah responden ini, seramai tiga responden adalah dari *TN*, tiga responden lagi dari *MO* dan seramai dua responden dari *MN*.

###### *(A2) Jawatan Responden*

Berikut ialah analisis bagi soalan kedua dalam Bahagian A iaitu, mengenai jawatan responden (R):

**Jadual 4.5 Jawatan Responden**

<b>Responden</b>	<b>Jawatan responden</b>
R1	Pengurus pengiklanan
R2	Kerani bahagian pengiklanan
R3	Jurutaip bahagian pengiklanan
R4	Pengurus pengiklanan
R5	Pengurus pengiklanan

R6	Kerani bahagian pengiklanan
R7	Pengurus pengiklanan
R8	Pengurus pengiklanan

---

Berdasarkan Jadual 4.5, didapati bahawa 5 orang responden berjawatan sebagai pengurus iklan. Seterusnya, responden juga berjawatan sebagai kerani bahagian pengiklanan (2 orang) dan jurutaip bahagian pengiklanan (seorang).

### ***(A3) Pengalaman Responden***

Soalan A3 berfokus pada pengalaman para responden berkecimpung dalam bidang pengiklanan. Bagi soalan ini, responden telah diberi tiga pilihan jawapan. Berikut ialah analisis soalan A3.

**Jadual 4.6 Pengalaman Responden**


<b>Bil</b>	<b>Pengalaman dalam bidang pengiklanan</b>	<b>Jumlah responden</b>
1	Lebih daripada 10 tahun	1
2	5 hingga 10 tahun	3
3	Kurang daripada 5 tahun	4

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa hanya seorang responden sahaja yang mempunyai pengalaman yang lebih daripada sepuluh tahun dalam bidang pengiklanan. Manakala seramai 3 orang responden berpengalaman dalam lingkungan lima hingga

sepuluh tahun dalam bidang pengiklanan. Seramai 4 orang responden didapati hanya mempunyai pengalaman kurang daripada lima tahun dalam bidang pengiklanan.

#### ***(A4) Kelulusan Akademik Tertinggi Responden***

Soalan A4 berkaitan tentang kelulusan akademik tertinggi responden. Didapati Seramai 3 orang responden memiliki diploma. Tetapi bidang pengkhususan mereka didapati tidak berkaitan dengan bidang pengiklanan, media, mahupun bahasa Tamil. Selain itu, hanya seorang responden sahaja memiliki kelayakan akademik STPM, sementara 4 orang responden mempunyai kelayakan SPM. Berikut merupakan rajah yang menunjukkan kelulusan akademik tertinggi para responden.



**Rajah 4.6 Kelulusan Akademik Tertinggi Responden**

#### ***(A5) Pencapaian SPM Responden***

Soalan (A5) berfokus pada pencapaian gred oleh responden dalam tiga mata pelajaran bahasa iaitu, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil pada peringkat SPM. Berikut ialah jadual analisis pencapaian SPM responden.

**Jadual 4.7 Pencapaian SPM Responden**

<b>Responden</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Tamil</b>
R1	B	C	A
R2	C	C	B
R3	B	B	A
R4	C	B	A
R5	B	B	A
R6	A	B	A
R7	C	B	A
R8	C	C	A

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa hanya seorang responden sahaja memperoleh gred A dalam bahasa Melayu pada peringkat SPM. Manakala, tiada responden yang mempunyai gred A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Akhirnya, 7 daripada 8 responden didapati mempunyai gred A dalam Bahasa Tamil.

Manakala, seramai 3 orang responden memperolehi gred B dalam bahasa Melayu. Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, 5 orang memperoleh gred B. Manakala, hanya seorang responden mempunyai gred B dalam Bahasa Tamil.

Seramai 3 orang responden mempunyai gred C bagi kedua-dua mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manakala, tiada responden yang memperoleh gred C dalam bahasa Tamil. Tiada responden yang mempunyai keputusan gagal dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut.



**(A6) Tahap Penguasaan Bahasa**

Soalan A6 adalah berkaitan dengan tahap penguasaan responden dalam bahasa iaitu, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil. Berikut ialah analisis soalan A6.

**Jadual 4.8 Tahap Penguasaan Bahasa**

Tahap	Mata Pelajaran								
	BM			BI			BT		
	LS	PM	PN	LS	PM	PN	LS	PM	PN
Baik	7	7	7	6	7	6	8	8	8
Sederhana	1	1	1	2	1	2	0	0	0
Lemah	0	0	0	0	0	0	0	0	0

*Petunjuk:*

LS Lisan

PM Pemahaman

PN Penulisan

Berdasarkan Jadual 4.8 didapati bahawa seramai 7 responden mempunyai penguasaan yang baik manakala hanya seorang responden mempunyai penguasaan yang sederhana dalam bahasa Melayu dari segi lisan, pemahaman dan penulisan.

Manakala, seramai 6 responden memilih pilihan penguasaan yang baik dalam bahasa Inggeris dari segi lisan dan penulisan. Manakala, 7 responden memilih pilihan penguasaan yang baik dalam pemahaman. Seramai 2 responden memilih pilihan tahap penguasaan yang sederhana dalam bahasa Inggeris dari segi lisan dan penulisan. Hanya 1 responden memilih pilihan tahap sederhana dalam pemahaman bahasa Inggeris.

Semua responden memilih pilihan tahap penguasaan yang baik bahasa Tamil dari segi lisan, pemahaman dan penulisan.

#### **4.4.2.2 Bahagian B (Latihan Ikhtisas)**

Bahagian B mengandungi soalan dua jawapan iaitu, ya atau tidak.

##### ***(B1) Latihan ikhtisas yang dihadiri oleh responden***

Soalan B1 berfokus pada latihan ikhtisas seperti kursus dan seminar khas mengenai pembentukan kata yang pernah dihadiri oleh para responden. Berikut adalah analisis soalan B1:

**Jadual 4.9 Latihan Ikhtisas yang Pernah dihadiri oleh Responden**

<b>Pilihan jawapan</b>	<b>Bilangan responden</b>	<b>Peratus</b>
Ya	0	0%
Tidak	8	100%

Berdasarkan kepada jadual di atas didapati bahawa kesemua responden menjawab pilihan ‘tidak’ yang menunjukkan bahawa mereka tidak memiliki sebarang latihan ikhtisas mengenai proses pembentukan kata.

#### **4.4.2.3 Bahagian C (Situasi Pembentukan Kata)**

Bahagian C mengandungi satu soalan sahaja yang diberi empat pilihan jawapan. Responden boleh memilih lebih daripada satu pilihan bagi menjawab soalan ini.

Responden juga boleh menyatakan faktor-faktor lain dalam ruang ‘lain-lain’ bagi faktor-faktor yang tidak diberi dalam pilihan jawapan.

***(C1) Situasi Pembentukan Kata***

Soalan C1 digunakan untuk mengetahui situasi-situasi yang mendorong para responden bagi membentuk kata baru. Berikut ialah analisis soalan C1:

**Jadual 4.10 Situasi Pembentukan Kata**

<b>Bil</b>	<b>Situasi pembentukan kata</b>	<b>R1</b>	<b>R2</b>	<b>R3</b>	<b>R4</b>	<b>R5</b>	<b>R6</b>	<b>R7</b>	<b>R8</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1	Situasi 1		✓	✓	✓	✓		✓	✓	6/8	75%
2	Situasi 2	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	7/8	88%
3	Situasi 3	✓	✓			✓	✓	✓	✓	6/8	75%
4	Situasi 4									0/8	0%

***Petunjuk***

- Situasi 1 Ketika menterjemahkan sesuatu iklan dari bahasa asing.
- Situasi 2 Ketika menghasilkan iklan bagi sesuatu produk atau perkhidmatan baru.
- Situasi 3 Ketika pihak penaja ingin memberi gambaran baru kepada produk atau

perkhidmatan yang sedia ada.

Situasi 4 Lain-lain (jika ada)

Berdasarkan kepada Jadual 4.10, didapati bahawa Situasi 2 mencatat kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 88%. Manakala, kedua-dua situasi yang lain Situasi 1 dan Situasi 3 mencatat kekerapan yang sama iaitu 75%. Jadual di atas juga menunjukkan bahawa tiada responden yang memberikan sebarang situasi yang lain selain daripada situasi yang diberikan dalam pilihan jawapan.

#### 4.4.2.4 Bahagian D (Cara Pembentukan Kata)

Bahagian D mengandungi hanya satu soalan dan diberi sembilan pilihan jawapan. Bagi soalan ini, responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan. Selain itu, responden juga boleh menyatakan cara-cara pembentukan yang lain selain daripada yang diberi dalam pilihan jawapan dalam ruang 'lain-lain'.

##### *(D1) Cara Pembentukan Kata*

Soalan D1 berkaitan tentang cara-cara yang digunakan oleh para responden ketika membentuk satu kata baru. Analisis soalan D1 ditunjukkan dalam jadual yang berikutnya.

**Jadual 4.11 Cara Pembentukan Kata**

<b>Proses</b>											
<b>Bil</b>	<b>Pembentukan Kata</b>	<b>Responden</b>								<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
		<b>R1</b>	<b>R2</b>	<b>R3</b>	<b>R4</b>	<b>R5</b>	<b>R6</b>	<b>R7</b>	<b>R8</b>		
1	Peminjaman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8/8	100%

2	Penciptaan	✓	✓	✓	✓	✓			5/8	63%
3	Pemajmukan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8/8	100%
4	Derivasi				✓	✓		✓	3/8	38%
5	Penukaran	✓				✓	✓	✓	5/8	63%
6	Penyingkatan	✓				✓		✓	4/8	50%
7	Akronim						✓		1/8	13%
8	Campuran	✓				✓	✓	✓	4/8	50%
9	'Back-formation'								0/8	0%
10	Lain-lain								0/8	0%

Berdasarkan kepada Jadual 4.11, didapati bahawa proses peminjaman dan pemajmukan merupakan cara pembentukan kata yang paling tinggi digunakan oleh semua responden bagi membentuk kata baru. Selain daripada itu, proses penciptaan dan penukaran merupakan cara pembentukan kata yang kedua tertinggi, iaitu 63%. Proses penyingkatan dan campuran ialah proses yang masing-masing digunakan oleh 50% responden. Manakala, proses derivasi dan akronim masing-masing mencatat kekerapan pilihan responden sebanyak 38% dan 13%. Jadual 4.11 juga menunjukkan bahawa proses 'back-formation' tidak digunakan oleh responden ketika membentuk kata. Tiada sebarang proses-proses 'lain' dinyatakan oleh responden.

#### 4.5 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan secara terperinci analisis data-data kajian dari data-data korpus dan juga borang soal selidik. Seterusnya, dalam bab yang seterusnya pengkaji membuat rumusan tentang dapatan kajian yang dibincang dalam bab ini.